

D615

U B122 DEB
PARLIMEN - PERUNTUKAN

KUALA LUMPUR, 10 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIRMOHAMAD HARI INI MENAFIKAN KONONNYA SETIAP ANGGOTA PARLIMEN BARISAN NASIONAL DIPERUNTUKAN WANG KHAS \$200,000 BAGI MEMBIAYAI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN MASING-MASING.

+APA YANG BERLAKU IALAH, ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN MENCADANGKAN PROJEK-PROJEK YANG DIFIKIRKAN PERLU BAGI KAWASAN MASING-MASING DAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN KEPADA PEGAWAI DAERAH.

+PEGAWAI DAERAH KEMUDIANNYA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN ITU UNTUK PERTIMBANGAN KERAJAAN NEGERI YANG AKAN MENENTUKAN KEPERLUANNYA, KEUTAMAANNYA SERTA SAMA ADA IA SELARAS DENGAN DASAR DAN KEUTAMAAN KERAJAAN,+ JELAS BELIAU SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK CHIAN HENG KAI (DAP-BUKIT MERTAJAM).

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERUNTUKAN BAGI SETIAP PROJEK DILULUSKAN OLEH UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI DAN BIASANYA NILAI YANG DIHADKAN TIDAK MELEBIHI \$200,000 SETAHUN.

KATANYA, JIKA PROJEK-PROJEK ITU DILULUSKAN, IANYA DILAKSANAKAN MELALUI PEGAWAI KEMAJUAN NEGERI DAN PEGAWAI DAERAH MENGIKUT PERATURAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG LAIN. - LAGI 1813MST 10 10 86

U B123 DEB
PARLIMEN - PERUNTUKAN 2 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJONG), PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEBERI JAMINAN BAHAWA \$200,000 DIPERUNTUKAN KEPADA SETIAP ANGGOTA PARLIMEN KERANA KURANG ATAU LEBIHNYA PERUNTUKAN YANG DIBERIKAN, ADALAH BERDASARKAN KEPADA KEUTAMAAN PROJEK PADA SESUATU KAWASAN.

BELIAU JUGA MENAFIKAN DISKRIMINASI BERLAKU DALAM PEMBERIAN PERUNTUKAN ANTARA ANGGOTA PARLIMEN BARISAN NASIONAL DENGAN PEMBANGKANG KERANA IA DITENTUKAN BERDASARKAN KEPENTINGAN PROJEK YANG DILULUSKAN.

BELUM PERNAH TERJADI LAGI PROJEK MEMBUAT JALAN DIBERHENTIKAN SETAKAT KAWASAN ANGGOTA PARTI KERAJAAN APABILA SAMPAI PADA KAWASAN PARTI PEMBANGKANG, KATANYA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN HAJI IBRAHIM ALI (BN-PASIR MAS), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDAR KEBANYAKAN ANGGOTA PARLIMEN PEMBANGKANG ADALAH MEWAKILI KAWASAN BANDAR YANG KADANGKALA MENDAPAT PERUNTUKAN MELEBIHI \$200,000.

SEMASA MENJAWAB SOALAN LAIN DARIPADA ENCIK SAMSON CHIN CHEE TSU (DAP-TAWAU), BELIAU BERKATA KERAJAAN BELUM BERCADANG UNTUK MENGADAKAN SEORANG HAKIM DI SETIAP BANDAR BESAR DI SABAH.

ENCIK SAMSON CHIN BERTANYA SAMA ADA KERAJAAN BERSEDIA MENAMBAH BILANGAN HAKIM DI SABAH BERDASARKAN PERTAMBAHAN KES-KES SIVIL DAN KRIMINAL DI NEGERI J.TU.--BERNAMA

1820MST 10 10 86